**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
## 1 OKTOBER 2019 (SELASA)


| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Selangor Kini** | |
| - Senario Ampang Indahkan Lorong Belakang | 18 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>1 OKTOBER 2019 (SELASA) | |
|---|---|
| Akhbar | Selangor Kini |
| Tajuk Berita | Senario Ampang Indahkan Lorong Belakang |
| Muka Surat | 18 |

tvs Tonton TVSelangor selangortv.my



Demi keselamatan dan kebersihan Jalan Mamanda 7

# Senario Ampang indahkan lorong belakang

SK 1/10/19 ms 18

OLEH **NORHAYATI UMOR**

**SHAH ALAM -** Senario Ampang' di Ampang Point kini menjadi tarikan baharu kepada penduduk sekitar selepas melalui proses baik pulih menerusi inisiatif pengindahan lorong belakang hasil kerjasama Jawatankuasa Kerja Bandar Selamat Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Pegawai Komunikasi Korporat MPAJ, Norhayati Ahmad, berkata kerja menaik taraf kawasan itu membabitkan kerja pembersihan, pemasangan lantai konkrit, penyediaan interlocking paving' menghubungkan ke kawasan sekitar, pemasangan lampu dekorasi, kamera litar tertutup (CCTV), kerja elektrikal dan lukisan mural 3D yang memaparkan aktiviti sinonim lokasi berkenaan.

"Pengindahan lorong belakang Jalan Mamanda 7 ini bertujuan meningkatkan aspek keselamatan dan kebersihan seterusnya sebagai tarikan baharu, di kawasan Ampang.

"Konsep dan tema adalah memaparkan aktiviti sosial yang sinonim di sekitar Ampang. Projek ini di namakan Senario Ampang membabitkan pengindahan sepanjang 145 kaki dan dinding 14 unit bangunan perniagaan setinggi 20 kaki.

"Ini adalah antara inisiatif untuk mengubah suasana lorong belakang bangunan khususnya di kawasan komersial menjadi lebih selamat, bersih dan indah," katanya dalam kenyataan.

Pada masa sama, Norhayati berkata, pihaknya turut merancang untuk melaksanakan projek pengindahan di lorong belakang lain, pada masa hadapan.

"Berdasarkan Pelan Induk Pengindahan lorong belakang Ampang Point, terdapat perancangan untuk melaksanakan projek pengindahan di lorong belakang yang lain jika projek pertama ini berjaya mencapai objektifnya," katanya.

